

03/03/1997

Croatia pikat pelabur Malaysia

R Ravichandran

LAWATAN Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa ke Malaysia mulai hari ini akan memperkukuh hubungan yang sedia terjalin dan membuka jalan bagi kerjasama dalam bidang baru antara kedua-dua negara.

Duta republik itu ke Malaysia Damir Perincic, berkata walaupun pemeteraian Memorandum Persefahaman tiada dalam agenda tetapi lawatan itu akan meletakkan arah haluan baru dalam bidang seperti perdagangan dan pelaburan antara Kuala Lumpur and Zagreb.

"Ia akan memperkukuhkan hubungan yang sedia terjalin dan meletakkan haluan baru bagi kerjasama yang diharap akan memberi manfaat dalam banyak bidang," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Beliau baru dilantik sebagai duta menggantikan Kresimir Znidaric. Perincic sebelum itu berkhidmat sebagai Duta Croatia ke Sweden sejak 1993.

Perincic berkata walaupun banyak firma Malaysia menunjukkan minat dan sudah melabur sama ada secara langsung atau tidak di negara itu tetapi tahap hubungan perdagangan masih kurang memuaskan.

Sewaktu lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu April tahun lalu, lima Memorandum Persefahaman, tiga instrumen perjanjian dan satu perjanjian usaha sama ditandatangani.

Kereta nasional, Proton juga menembusi pasaran Croatia dengan eksport pertama 200 kereta ke Niva Holdings, iaitu pengedar Proton di Croatia.

Syarikat Malaysia yang lain termasuk South Vest and Malaysian Diversified Resources Corporation Bhd juga memeterai memorandum persefahaman dalam sektor binaan, pengedaran dan bank di negara itu.

Dalam pada itu, Kuala Lumpur dan Zagreb juga menandatangani perjanjian bagi pemansuhan sebahagian daripada keperluan visa bagi membolehkan rakyat kedua-dua negara mengadakan perjalanan selama 30 hari tanpa visa.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara meningkat sejak lawatan Dr Mahathir iaitu daripada AS\$5.12 juta pada 1994 kepada AS\$6.31 juta pada 1995 dan kepada AS\$10 juta tahun lepas dengan imbalan perdagangan menguntungkan Malaysia. Jumlah penduduk Croatia ialah kira-kira lima juta orang.

Perincic berkata pengeksport Malaysia boleh menggunakan Croatia kerana kedudukannya yang strategik sebagai pintu masuk ke pasaran negara jiran di Eropah Timur yang juga berusaha melaksanakan ekonomi pasaran selepas dibelenggu oleh ekonomi sosialis selama beberapa dekad.

Duta itu berkata melalui ekonomi yang liberal dan terbuka serta dasar penswastan yang diperkenalkan oleh Zagreb sejak 1991, pelabur Malaysia boleh berfungsi dalam bidang seperti pembangunan infrastruktur, pelancongan, perumahan, bank, telekomunikasi dan perkapalan.

"Seperti negara lain di rantau itu, Croatia melalui tempoh pembaharuan yang sukar kepada ekonomi pasaran. Satu daripada sasaran utama pembaharuan ekonomi ialah menyusun semula perusahaan lama milik sosialis dan penswastan," kata beliau.

Beliau berkata, daripada 2,800 firma Croatia, 95 peratus sudah menjalani proses ini sementara pihak berkuasa menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 70 peratus daripada ekonomi berpindah kepada pihak asing menjelang akhir 1997.

Justeru, langkah yang diambil ke arah itu ialah memansuhkan keperluan bagi pelabur asing memperolehi kebenaran daripada Kementerian Ekonomi bagi membuat pelaburan.

Cukai ke atas keuntungan ialah cuma 25 peratus dan pelabur asing dikecualikan daripada membayar duti ke atas barangan yang diimport bagi tujuan pelaburan dengan syarat nilainya sekurang-kurangnya 20 peratus daripada jumlah pelaburan yang dibuat dalam tempoh kurang lima tahun. Bagaimanapun, kemudahan ini tidak meliputi peralatan hiburan dan perjudian.

Di samping itu, faktor lain yang mendorong pelaburan ialah keadaan ekonomi yang semakin baik, kestabilan politik, peluang untuk menerokai pasaran lain di rantau itu dan tenaga pekerja yang mahir lagi murah.

Agensi Penggalakan Pelaburan Croatia (CIPA) yang diketuai oleh Perdana Menteri berfungsi penting menarik pelaburan asing. Agensi itu ditubuhkan tahun lalu, kata beliau.

Menurut Perincic, bidang penting yang pelabur Malaysia boleh mengadakan usaha sama ialah dalam sektor pelancongan terutama membina semula dan meningkatkan taraf hotel di sekitar Laut Adriatik. Croatia mempunyai kawasan pantai sepanjang 1,777 kilometer dengan kira-kira 1,185 pulau, pulau kecil dan terumbu karang serta tarikan bersejarah paling silam di Eropah.

Industri pelancongan yang tertumpu di pantai Mediterranean dianggarkan bernilai AS\$5 bilion (kira-kira RM12.5 bilion) setahun. Malaysia dan Croatia juga menandatangani perjanjian perkhidmatan udara tahun lalu yang membolehkan syarikat penerbangan kedua-dua negara mengadakan tujuh penerbangan seminggu antara kedua-dua negara.

Mengenai kemungkinan kedua-dua negara mengadakan kerjasama dalam industri pertahanan, Perincic berkata, "Croatia sentiasa bersikap terbuka untuk tujuan itu.

Croatia mempunyai tradisi paling lama dalam bidang kejuruteraan dan industri membina kapal sama ada bagi tujuan awam atau tentera.

Mengenai usaha damai terbaru di kawasan Balkan, beliau mengulangi komitmen tegas Zagreb bagi pelaksanaan Persekutuan Bosnia-Croat dan Perjanjian Damai Dayton. Ketika ditanya apakah yang boleh dipelajari oleh Croatia daripada Malaysia sebagai negara yang pesat membangun, beliau berkata, 'Kami boleh mempelajari banyak antaranya iaitu kepimpinan dengan wawasan yang jelas'.

Perincic berkata kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan seperti masyarakat pelbagai kaum dan agama dan kedua-dua negara juga boleh berkongsi pengalaman dalam usaha mewujudkan masyarakat yang harmoni. -
Bernama

(END)